

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, November 3, 2019 8:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ONCE Memupuk Semangat Kepimpinan Mahasiswa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 NOVEMBER 2019 / 6 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsuri Abdul Razak
Gambar oleh: Pusat Kokurikulum

ONCE MEMUPUK SEMANGAT KEPIMPINAN MAHASISWA



UUM ONLINE: Penganjuran program *On-Campus Community Engagement (ONCE)* diharapkan memberi pendedahan kepada mahasiswa berkaitan kepimpinan bagi memastikan generasi masakini bersedia dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi menempuhi alaf baharu.

Program Kepemimpinan Anak Muda dan Pembinaan Masa Depan Negara anjuran Pusat Kokurikulum dan IPDM itu telah menampilkan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Dato' Ahmad Kassim dan disertai 724 pelajar dari Unit Pertolongan Cemas, Pusat Kokurikulum.

Turut diadakan Program Kepemimpinan Mahasiswa Dalam Menghadapi Wawasan 2021-2030 bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dr. Mohamad Salmi Mohd Sohod merangkap Pengarah Urusan In-Fusion Solutions Sdn. Bhd yang menyampaikan syarahan beliau di hadapan 713 pelajar dari Unit Kemahiran Hidup.

Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah berkata, kedua program tersebut merupakan program yang menerapkan kepimpinan dan sayangkan negara.

Menurutnya, secara umumnya kedua program ini adalah bertujuan memupuk semangat patriotisme dan sayangkan negara dalam kalangan generasi muda masa kini kerana kekurangan semangat cintakan negara akan menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat anak bangsa Malaysia.

“Syarahan ini juga untuk memberi pendedahan kepada pelajar terlibat untuk membina kepimpinan dan sahsiah dalam diri mahasiswa iaitu membina bakal generasi pemimpin negara pada masa hadapan,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.